

## **PERIBADI MUAWIYAH IBN ABI SUFYAN RA DALAM KARYA MELAYU: KAJIAN KRITIS TERHADAP TULISAN AL-IDRUS**

**MUAWIYAH'S PERSONALITY IN MALAY LITERATURES: A CRITICAL READING  
ON AL-IDRUS'S WRITINGS**

**Mustafa Khlaif Mohammad Abu Zaid**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mail: mustafa@usim.edu.my

**A. Irwan Santeri Doll Kawaaid al-Nadawi**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mail: a.irwan@usim.edu.my

**Shumsudin Yabi**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mail: shumsudin@usim.edu.my

**Muhammad Zaid Bakar Redin**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mail: zaid@gmail.com

### **ABSTRAK**

Peribadi Saidina Muawiyah ibn Abi Sufyan RA antara peribadi Sahabat Nabi SAW yang sering dilanda kontroversi. Hal ini disebabkan beberapa tindakan beliau selepas kewafatan Baginda Nabi SAW yang dipandang salah oleh sebahagian umat Islam. Di antara tindakan beliau itu ialah, perselisihan beliau dengan Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib RA yang menyebabkan tercetusnya perperangan saudara di antara umat Islam, pertukaran sistem khalifah kepada sistem beraja serta penentangan Bani Umayyah terhadap Ahl Bayt. Tindakan-tindakan tersebut telah menyebabkan timbul pelbagai persepsi negatif terhadap dirinya. Kisah-kisah negatif yang sesetengahnya tidak berasas telah dimuatkan dalam banyak buku, terutamanya buku berkaitan sejarah Islam. Perkara ini juga diulangi oleh kebanyakan para penulis bukan Arab ketika menulis sejarah Islam di dalam bahasa ibunda masing-masing. Antara karya penulisan tersebut, buku 'Muawiyah ibn Abi Sufyan' karangan Abdullah bin Hamid al-Idrus. Buku ini di antara karya terawal dalam Bahasa Melayu yang membicarakan secara khusus peribadi Saidina Muawiyah RA. Al-Idrus. Namun buku ini tidak hanya mendatangkan riwayat-riwayat mengenai personaliti Muawiyah ibn Abi Sufyan RA, bahkan turut mendatangkan beberapa kisah negatif serta hikayat yang mengaibkan mengenai diri beliau. Artikel ini bertujuan untuk meneliti fakta-fakta yang dikemukakan buku ini terhadap Saidina Muawiyah RA dengan menggunakan metodologi analisa dan metodologi kritis, terutamanya dalam mengkritik fakta yang tidak tepat dalam mengaitkan diri beliau dengan sesuatu peristiwa. Dapatkan kajian mendapat maklumat yang dikemukakan dalam buku ini mengundang syak wasangka serta persepsi buruk terhadap Muawiyah ibn Abi

Sufyan RA, selain al-Idrus tidak mengaplikasi metodologi yang betul dalam menukilkan riwayat-riwayat sejarah. Tambahan pula, kisah-kisah serta hikayat-hikayat yang dikemukakan kebanyakannya berunsur permusuhan dan kebencian.

**Kata kunci:** Muawiyah, sahabat, al-Idrus, tuduhan.

## ABSTRACT

Muawiyah ibn Abu Sufyan RA, one of the companions of the Prophet, was among the personality whom frequently hit by controversy. Some criticism towards him based on adverse stories have been published in many literatures, especially works on Islamic history. This is equally true for non-Arab writers when writing about Islamic history in their native language. Among the works was the book 'Muawiyah ibn Abi Sufyan' written by Abdullah b. Hamid al-Idrus. This book is among the earliest works in the Malay language that specifically address Muawiyah personality. However, this book not only presents the biography of Muawiyah ibn Abi Sufyan, but it also brings along adverse stories and defamation account of him. This article aims to examine the information and facts on Muawiyah in this book by employing historical critical methodology, especially in critiquing the doubtful facts about him. The findings show that the information presented in this book invites suspicious and awful image towards Muawiyah ibn Abi Sufyan RA. Moreover, this book does not apply the proper methodology in interpreting historical accounts. Most of the stories and narratives presented are mostly antagonistic and hateful.

**Keywords:** Muawiyah, al-Idrus, controversy, Malay Literatures

### Pengenalan:

Penulisan buku-buku mengenai para Sahabat Nabi RA mempunyai kesan yang besar dalam memahami cara beragama. Melalui kisah-kisah mereka, cara interaksi generasi pertama umat Islam, kefahaman mereka akan wahyu, kegigihan mereka dalam membantu Islam dan Nabi SAW dapat diketahui. Mereka adalah golongan yang diberitakan sendiri oleh Nabi SAW sebagai generasi terbaik sebagaimana dalam hadith,

«خيركم قرنٍ، ثم الذين يلونهم، ثم الذين يلونهم»<sup>1</sup>

Maksudnya: Sebaik-baik umatku adalah generasi kurun ini, kemudian generasi mengikut selepasnya dan generasi yang mengikut selepasnya.

Menurut hadith ini, jelas bahawa generasi terbaik umat Nabi SAW adalah para Sahabat Baginda SAW, diikuti golongan Tabien serta Tabi' Tabien, dan dikalangan para Sahabat Nabi SAW itu ialah Saidina Muawiyah ibn Abi Sufyan RA.

<sup>1</sup> Bukhari. 2010M/ 1431H. Sahih Bukhari. Cet 2. Beirut, al-Makrefah. Kitab al-Fadhl Ashab al-Nabi SAW: Bab Fadhl Ashab al-Nabi. No 2651. Muslim. 2006M/ 1427H. Sahih Muslim. Cet. 1. Riyad, Dar Taybah. Kitab Fadhl al-Sahabah: Bab Fadhl al-Sahabah. No 2535.

Muawiyah ibn Abi Sufyan RA adalah satu nama yang sering mendapat perhatian para penulis dan pengkaji sejarah Islam. Kisah beliau kerap kali diungkap sama ada dalam bentuk bibliografi penuh mahupun dinyatakan sebagai contoh dalam buku-buku sejarah.

Kemasyhuran beliau kerana beberapa tindakan beliau selepas kewafatan Baginda Nabi SAW yang tidak mendapat persetujuan oleh sebahagian umat Islam. Di antaranya perselisihan beliau terhadap Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib RA yang menyebabkan tercetus peperangan saudara, pengasas pemerintahan beraja yang menggantikan pemerintahan Khilafah Rasyidah serta penentangan Bani Umayyah terhadap Ahlu Bayt. Tindakan-tindakan tersebut telah menyebabkan timbul pelbagai persepsi buruk wasangka terhadap diri beliau.

Maka, terdapat sebahagian kaum muslimin yang menyanjungi beliau sementara terdapat yang lain menghina serta mencela peribadinya. Adapun golongan yang begitu membenci beliau ini, terutama musuh beliau, sentiasa meniupkan api kebencian dengan sengaja mencanang kisah dusta untuk memburukkan beliau. Terdapat juga fakta yang kabur atau andaian yang seakan-akan benar tapi pada hakikatnya ia jauh menyimpang daripada kebenaran yang disebarluaskan. Kesemua berita-berita ini telah dicatatkan dalam bentuk penulisan dan direkodkan di dalam kitab-kitab klasik sejarah Islam tanpa sebarang semakan ataupun saringan sama ada ia sahih ataupun sebaliknya. Selain, terdapat percanggahan berita dalam peristiwa yang dikaitkan dengan beliau.

Riwayat-riwayat yang tidak berasas ini kemudian dinukilkhan oleh kebanyakan para penulis bukan Arab ketika menulis sejarah Islam di dalam bahasa ibunda masing-masing, tidak terkecuali karya penulisan dalam Bahasa Melayu. Antara karya penulisan tersebut, buku yang berjudul ‘Muawiyah ibn Abi Sufyan’ karangan Abdullah bin Hamid al-Idrus. Buku ini ditulis menggunakan tulisan Jawi (sebelum penggunaan tulisan Latin) dan menggunakan dialek Bahasa Melayu lama. Ianya adalah di antara karya terawal yang membicarakan secara khusus mengenai peribadi Saidina Muawiyah RA. Karya ini telah dicetak dan diterbitkan pada tahun 1960 Masihi dan diterbitkan oleh Dar al-Qalam, Singapura.

Al-Idrus menjelaskan tujuan penulisannya dengan suatu mukadimah. Iani tujuannya ialah untuk menyatakan perihal cara berpolitik yang menggunakan segala macam tipu helah untuk menyampaikan kepada sesuatu matlamat, walaupun dengan penumpahan darah dan penyiksaan.<sup>2</sup>

### Anak Si Pemakan Hati

Antara riwayat yang dinukilkhan oleh al-Idrus dalam bukunya ialah kisah tentang kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa Saidina Muawiyah ketika mereka masih belum memeluk Islam terutamanya di saat berlaku penentangan antara kaum Musyrikin dan kaum Muslimin. Sebagai contoh, kisah keazaman ibu Muawiyah, iaitu Hindun binti Utbah, untuk memakan hati Saidina Hamzah ibn Abdul Mutalib RA dalam peperangan Uhud. Keinginan Hindun untuk menelan hati Saidina Hamzah telah diungkapkan sebelum tercetusnya peperangan Uhud lagi sebagai ‘nazar’ membalas dendam di atas pembunuhan ayahnya, Utbah ibn Rabiah oleh Saidina

<sup>2</sup> Idrus, Abdullah Ibn Hamid al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. Singapura, Qalam. iv.

Hamzah semasa peperangan Badar. Apabila berita kematian Saidina Hamzah sampai ke pengetahuannya, Hindun telah pergi kepadanya kemudian merobek dada Saidina Hamzah dan mengeluarkan hatinya. Dia telah mengunyah-ngunyahnya berulang-ulang kali, akan tetapi tidak mampu untuk menelannya<sup>3</sup>.

Daripada kisah yang dinyatakan, al-Idrus telah mengaitkan sifat bengis, buas, kejam dan zalim Hindun binti Utbah telah diwarisi oleh anaknya Saidina Muawiyah RA. Gelaran Pemakan Hati adalah panggilan kepada Hindun disebabkan perlakuan jeliknya ke atas mayat Saidina Hamzah ibn Abdul Mutualib RA, sedang Muawiyah digelar sebagai Anak Si Pemakan Hati. Al-Idrus menyifatkan diri Muawiyah mewarisi sifat-sifat yang jelik itu. Sifat-sifat tersebut boleh dilihat melalui cara urus tadbir yang dilaksanakan oleh Muawiyah ibn Abi Sufyan ke atas kaum muslimin. Maka, tidak hairanlah mengapa darah tidak dapat menggerunkan Muawiyah dan nyawa tidak mempunyai harga di sisinya selama ia boleh menggalang kehendak untuk memperoleh kekuasaan dan menguasai pemerintahan negara.<sup>4</sup>

Menggelar seseorang selepas benar keIslamannya dengan sesuatu gelaran yang mengaibkan adalah sesuatu yang tidak dibolehkan dalam Islam. Apatah lagi gelaran aib yang diberikan itu adalah daripada kesilapan yang dilakukannya ketika zaman Jahiliah (sebelum Islam). Sesungguhnya Hindun Binti Utbah telah memeluk Islam pada zaman Rasulullah SAW dan merupakan salah seorang Sahabiah Baginda SAW. Tambahan, ibu Muawiyah ini juga pernah mengatakan perakuan secara lisan di hadapan Rasulullah SAW sendiri akan kedalaman perasaan cinta serta kasihnya terhadap Baginda SAW serta Ahlu Bayt selepas keIslamannya.<sup>5</sup>

Persoalan yang timbul, mengapa perlu diungkit kesilapan yang dilakukan semasa zaman Jahiliah sedangkan sudah benar lagi jelas keIslamannya? Dan kalau sekiranya Hindun tidak sempat memeluk Islam, maka tidak sekali-kali Muawiyah memikul kesalahan kesilapan yang pernah dilakukan ibunya itu, sebagaimana firmah Allah SWT,

﴿مَنْ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا وَلَا تَنْزُرُ وَازْرَةً وَزُرْ أُخْرَى وَمَا كَانَ

مُعْذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا﴾

Maksudnya: Sesiapa yang beroleh hidayah pertunjuk (menurut panduan al-Quran), maka sesungguhnya faedah pertunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk kesesatannya hanya ditanggung oleh dirinya juga. Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan

<sup>3</sup>Ahmad. 1999M/ 1419H. Musnad al-Imam Ahmad. Abdullah Abdul Muhsin al-Turki, Syuaib al-Arnaout dan dll (ed). Cet. 1. Beirut, Muassasah al-Risalah. Juz 7: No 4414.

<sup>4</sup> Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 46 – 47.

<sup>5</sup>Bukhari. 2010M/ 1431H. Sahih Bukhari. Cet 2. Beirut, al-Makrefah. Kitab Manaqib al-Ansar: Bab Zikr Hindun bint Utbah ibn Rabiah RA. No 3825. Muslim. 2006M/ 1427H. Sahih Muslim. Cet. 1. Riyadh, Dar Taybah. Kitab al-Aqdiyyah: Bab Qadhiyyah Hindun. Juz2: 819-820.

dosa usahanya sahaja). Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).

Surah al-Israa: 15

Berdasarkan ayat ini, seseorang tidak memikul dosa seorang yang lain dan setiap kesalahan kesilapan yang dilakukan hanya tertanggung pada dirinya sendiri.<sup>6</sup>

Gelaran-gelaran sebegini telah tersebar luas dalam umat Islam. Persepsi sebegini mengundang kesangsian serta syak wasangka terhadap insan yang bernama Muawiyah ibn Abi Sufyan RA dan ibunya. Sekalipun terdapat riwayat yang sahih tentang kisah Hindun mengunyah hati Saidina Hamzah RA, gelaran dan panggilan sebegini tetap tidak dibenarkan dalam agama. Dan sekiranya hal ini berlaku, sebenarnya ia membuka pintu-pintu fitnah yang mengakibatkan wujud tanggapan negatif terhadap para Sahabat RA termasuklah ibunya RA dan lebih-lebih lagi mereka yang telah membuktikan benar keIslamahan mereka selepas zaman Jahiliah.

Al-Idrus turut memuatkan dalam penulisannya fakta-fakta yang kontradik mengenai peribadi Muawiyah RA. Pada suatu bahagian, al-Idrus berpendapat bahawa Muawiyah RA sebagai seorang Sahabat Nabi yang terpuji sedangkan pada bahagian yang lain mengherdik serta mencela peribadi Sahabat Nabi ini. Suatu bab dalam buku ini, telah diceritakan perihal kesantunan serta budi pekerti Muawiyah RA<sup>7</sup>. Akan tetapi, pada kebanyakan halaman muka surat digambarkan sifat-sifat Muawiyah RA dengan gambaran seorang yang sarat dengan helah tipu muslihat, pakar dalam komplot konspirasi, mengamal dasar kuku besi dalam pentadbiran, kejam lagi bengis sehingga dibenci oleh rakyat jelata<sup>8</sup>, menggunakan harta benda dan wang sebagai senjata utama untuk melaksanakan segala tujuan itu sehingga cita-citanya tercapai<sup>9</sup>, bongkak lagi takbur dan tamak kepada kekuasaan<sup>10</sup>.

### Menyalahi Sunnah

Selain itu, al-Idrus turut menukilkan kisah peristiwa Muawiyah RA membatalkan perlaksana hukuman hudud ke atas peminum arak. Umum mengetahui bahawa Muawiyah adalah seorang yang menyukai para sasterawan dan para penyair. Dinukilkan daripada kitab al-Aghani karya Ali ibn al-Hussien al-Asfahani, pada suatu hari, telah satu sampai berita kepada Muawiyah bahawa Marwan (ibn al-Hakam) akan melaksanakan hukuman sebat sebanyak 80 kali ke atas Abdul Rahman (ibn Artha'ah) ibn Syihan. Abdul Rahman ibn Syihan adalah seorang penyair kelas pertengahan, pendokong kuat Bani Umayyah dan dia telah mengarang sejumlah rangkap syair memuji Bani Umayyah. Hukuman yang dijatuhkan gabenor Madinah telah menyebabkan

<sup>6</sup>Ibn Kathir. 2001M/ 1422H. Tafsir al-Quran al-Azhim. Mahmud Abdul Qadir al-Arnout (ed). Cet. 1. Riyadh, Maktabah al-Ruysd. 851.

<sup>7</sup>Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 163 – 188.

<sup>8</sup>Ibid. 219.

<sup>9</sup>Ibid. iv.

<sup>10</sup>Ibid. 23.

Muawiyah berang marah terhadapnya, dan beliau memerintahkan kepada gabenor tersebut untuk membatalkan perlaksanaan hukuman sebat ke atas Abdul Rahman ibn Syihan.<sup>11</sup>

Melalui riwayat ini juga, Muawiyah memerintahkan agar digugurkan hukuman sebat ke atas Ibn Syihan. Selain itu, Muawiyah turut mengirimkan surat kepada Marwan mengutuk tindakannya sebagai seorang batu api, menyemarakkan permusuhan dengan Walid ibn Utbah ibn Abi Sufyan dan Abdul Rahman ibn Syihan disebabkan iri jawatan gabenor Madinah yang disandang Walid.<sup>12</sup>

Apabila kisah ini diselidiki, timbul persoalan bagaimana boleh tercatatnya kisah ini tanpa sebarang semakan serta analisis terlebih dahulu? Adakah kisah ini dicatatkan bertujuan untuk melaporkan Muawiyah adalah seorang yang menyalahi Sunnah? Muawiyah RA adalah salah seorang Sahabat Nabi SAW yang meriwayatkan hadith tentang perlaksanaan hukuman sebat ke atas peminum arak, Imam Tirmizi dan lain-lain ulama meriwayatkan.

عَنْ عَاصِمِ بْنِ بَهْدَلَةَ، عَنْ أَبِي صَالِحِ ذَكْوَانَ، عَنْ مَعاوِيَةَ بْنِ أَبِي سَفِيَّانَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا شَرَبُوا الْخَمْرَ فَاجْلُدوهُمْ، ثُمَّ إِنْ شَرَبُوا فَاجْلُدوهُمْ، ثُمَّ إِنْ شَرَبُوا فَاقْتُلُوهُمْ». <sup>13</sup>

Daripada Asim ibn Bahdalah, daripada Abi Soleh (Zakwan), daripada Muawiyah ibn Abi Sufyan Ra, Rasulullah SAW pernah bersabda: “Sekiranya ada dikalangan muslim meneguk arak, maka laksanakan hukuman sebat ke atasnya. Dan sekiranya mereka, meneguk arak lagi, maka laksanakan hukuman sebat ke atasnya. Dan sekiranya mereka, meneguk arak lagi, maka laksanakan hukuman sebat ke atasnya. Dan sekiranya mereka, meneguk arak lagi, maka laksanakan hukuman bunuh ke atasnya.”

Lalu bagaimana mungkin Muawiyah menyalahi riwayatnya sendiri, bagaimana beliau tidak menyedari hadith ini serta larangannya, sedangkan dia adalah salah seorang yang meriwayatkannya? Ini membuktikan bahawa kisah tersebut tidak benar.

### Seruan kepada Amalan Jahiliah, Tahun Perpecahan

Menurut al-Idrus, Muawiyah ibn Abi Sufyan juga didakwa menyeru kepada amalan jahiliah, iaitu amalan-amalan yang kebiasaan sebelum kedatangan Islam. Iaitu seruan kepada menaikkan semangat kekabilahan. Seruan ini semakin jelas selepas pembunuhan Amirul Mukminin Uthman ibn Affan RA dalam rangka merebut kekuasaan pentadbiran umat Islam.

<sup>11</sup> *Ibid.* 159 – 160.

<sup>12</sup> Abu Farj al-Asfahani. 1997M/ 1418H. al-Aghani. Cet. 2. Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arabi. Juz 1: 493 – 495.

<sup>13</sup> Tirmizi. 1996M. al-Jami' al-Kabir. Cet. 1. Beirut, Dar al-Ghrab al-Islamiyy. Abwab al-Hudud an Rasulillah SAW: Bab ma Ja'a an syariba al-Khamr. Juz3: M/s 14 – 115. No 1444. Abu Daud. 2009M/ 1430H. Sunan Abi Daud. Cet. 1. Beirut, Dar al-Risalah al'A'lamiyyah. Kitab al-Hudud: Bab Iza Tatabi'u fi Syarb al-Khamr. Juz6: M/s 530. No 4482. Ibn Majah. 2009M/ 1430H. Sunan Ibn Majah. Cet. 1. Beirut, Dar al-Risalah al'A'lamiyyah. Abwab al-Hudud: Bab Man Syaraba al-Khamr Miraran. Juz3: M/s 604. No 2573. Lafaz yang dinyatakan daripada Abu Daud dan hadith ini sahih menurut Syuaib al-Arnaout.

Dengan cara sebegini, Muawiyah dapat memerangi Khalifah Rasyidah ke-4, iaitu Saidina Ali ibn Abi Talib RA, selain tidak memberi baiah taat setia kepada Saidina Ali walaupun beliau telah diberi baiah oleh seluruh penduduk Madinah. Sejak perlantikan Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib, Muawiyah tidak pernah menuruti pentadbiran yang berpusat di Madinah. Bahkan, telah bangun melawan Amirul Mukminin di atas nama menuntut bela atas pembunuhan Amirul Mukminin Uthman ibn Affan<sup>14</sup>. Seterusnya, Saidina al-Hassan ibn Ali RA telah menyerahkan urusan pemerintahan kepada Muawiyah ibn Abi Sufyan RA pada tahun 40 Hijrah, dan telah dinamakan tahun berkenaan sebagai Tahun Jamaah<sup>15</sup>.

Kemudian, al-Idrus melontarkan beberapa lagi persoalan mengenai perpaduan umat Islam ketika itu dalam penulisannya. Antaranya, adakah umat Islam ketika itu semuanya benar-benar bersetuju dengan perlantikan Muawiyah? Adakah mereka sebulat suara bersatu sepertimana semasa pemerintahan khalifah Abu Bakar, Umar dan permulaan khalifah Uthman? Bahkan tidak! Sesungguhnya terdapat beberapa orang Sahabat Utama tidak bersetuju dengannya, tidak dengan penukaran pemerintahan beraja yang menggantikan pemerintahan Khilafah Rasyidah.<sup>16</sup>

Sesungguhnya, Muawiyah ibn Abi Sufyan tidak mahu bertelagah dengan Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib kerana merebut kekuasaan serta jawatan khalifah. Sebaliknya, demi menuntut keadilan bagi pihak Amirul Mukminin Uthman ibn Affan RA yang mati dibunuh oleh mereka yang telah menyusup masuk dalam barisan tentera Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib RA. Jikalau dikira dari sudut perbandingan, maka Muawiyah RA bukanlah setara dengan keutamaan serta kelebihan-kelebihan yang disandarkan pada Saidina Ali Karamallah Wajhahu. Maka tidak timbul persoalan seruan kepada amalan jahiliyah oleh Muawiyah ibn Abi Sufyan sebagaimana dihebah-hebahkan sebahagian pihak.

### Mencela Saidina Ali RA dan Pendokongnya

Muawiyah dikatakan bersikap kasar serta keras terhadap pendokong Saidina Ali ibn Abi Tali RA dan menjadikan mimbar-mimbar masjid sebagai tempat memaki hamun Saidina Ali RA dan pendokongnya, begitulah pengamatan al-Idrus.<sup>17</sup>

Suatu riwayat yang dinukilkhan al-Idrus daripada kitab *al-Tabaqat al-Kubro* oleh Ibn Saad. Riwayat ini diriwayatkan oleh Ali ibn Muhammad, daripada Lut ibn Yahya al-Ghamidi, katanya: Para pembesar Bani Umayyah sebelum Khalifah Umar ibn Abdul Aziz, mereka mencela seorang lelaki (Saidina Ali) RA. Dan semasa Khalifah Umar ibn Abdul Aziz memegang tumpuk pemerintahan, beliau menghapuskan tradisi tersebut.<sup>18</sup>

<sup>14</sup>Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 48.

<sup>15</sup>Al-Zahabi. 1998M. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Cet 11. Beirut, Muasasah al-Risalah. Juz3: 144 – 145.

<sup>16</sup>Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 91 – 92.

<sup>17</sup>Ibid. 137.

<sup>18</sup>Ibn Saad. *Tabaqat al-Kubro*. Cet 1. Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy. *Tabaqat al-Thalithath min Ahl al-Madinah min al-Tabien*. Juz5:197.

Antara perawi yang perlu diberi perhatian serta penumpuan dalam riwayat ini adalah Lut ibn Yahya, Abu Mikhnaf. Dia adalah seorang perawi yang lemah dan *Matruk* berdasarkan pandangan ulama terhadapnya. Al-Zahabi berkata: Lut ibn Yahya Abu Mikhnaf, seorang perawi yang matruk, riwayatnya tidak boleh diteirma sebagai hujah dan Abu Hatim serta selainnya tidak menerima riwayat Abu Mikhnaf. Dinukilkan daripada al-Daruqutni: (Abu Mikhnaf) adalah dhaif, Kata Ibn Ma'in: (Riwayatnya) Tiada sebarang nilai. Kata Ibn Adi: Seorang Syiah jati, perekra-reka cerita mazhabnya.<sup>19</sup>

Analisis daripada kisah ini, mendapati ia berasal daripada seorang perawi yang mendapat kritikan sangat keras serta ditolak oleh ulama al-Jarh wa al-Ta'dil. Ditambahkan beliau adalah seorang Syiah yang sejati dan banyak mereka-reka cerita menyokong mazhabnya (Syiah).

### Membunuh Mereka Yang Tidak Bersalah

Al-Idrus seterusnya menggambarkan bahawa Muawiyah ibn Abi Sufyan sebagai seorang yang zalim. Gambaran ini berdasarkan tindakan Muawiyah yang menjadi punca sebab pembunuhan Hujr ibn Adi RA, yang merupakan pendokong setia Saidina Ali ibn Abi Talib RA. Hujr ibn Adi dan Saidina Ali mempunyai banyak persamaan dari sudut buah fikiran serta pendapat.<sup>20</sup>

Al-Idrus menulis secara terperinci kisah bagaimana berlaku penangkapan Hujr ibn Adi dan sahabat-sahabatnya sehingga mengakibatkan pembunuhan sebahagian besar daripada mereka. Penangkapan ini terjadi selepas Muawiyah melantik Ziyad ibn Abihi sebagai gabenor wilayah Kufah. Hujr ibn Adi serta 14 orang sahabatnya telah ditangkap oleh Ziyad atas pertuduhan menyalaikan api fitnah dan menyemarakkan perasaan permusuhan terhadap Amir al-Mukminin (Muawiyah ibn Abi Sufyan) yang merupakan khalifah yang sah di sisi syarak.<sup>21</sup>

Sebahagian daripada sahabat Hujr ibn Adi dikatakan telah diberi pengampunan oleh Muawiyah dan dibebaskan. Hukuman itu terjadi disebabkan Muawiyah telah terpedaya dengan helah gabenorinya, Ziyad ibn Abihi. Diakhirnya, al-Idrus telah membuat komentar bahawa Muawiyah membuat tuduhan terpedaya dengan Ziyad sebagai alasan untuk melepaskan diri.<sup>22</sup>

Kisah yang dinukilkan al-Idrus ini adalah daripada rantaian riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab *Tarikh al-Tabari*, melalui jalur perawi yang bernama Lut ibn Yahya Abu Mikhnaf.<sup>23</sup>

Lut ibn Yahya sebagaimana telah disebutkan sebelum ini adalah perawi yang lemah yang tertolak menurut para ulama al-Jarh wa al-Ta'dil. Adapun riwayat mengenai pembunuhan Hujr

<sup>19</sup>Al-Zahabi. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut, Dar al-Makrefah. Juz3: 419 – 420.

<sup>20</sup>Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 27.

<sup>21</sup>*Ibid.* 32 – 33, 35 – 41.

<sup>22</sup>*Ibid.* 42 – 43.

<sup>23</sup>Al-Tabari. 2013M/ 1413H. Dhaif Tarikh al-Tabari wa al-Maskut anh. Cet 1. Beirut: Dar Ibn Kathir. Juz9:83 – 111.

dan sebahagian sahabatnya telah mendapat banyak kritikan para ulama dan pengkaji sejarah. Di antaranya, Ibn al-Arabi al-Maliki<sup>24</sup>, Muhyiddin al-Khatib dan lain-lain.

Ali Muhammad al-Solaby melalui karyanya yang berjudul *Muawiyah ibn Abi Sufyan* mengatakan: “Riwayat mengenai pembunuhan Hujr ibn Adi RA telah tersebar begitu meluas sekali dan dinukilkan dalam kebanyakan kitab. Antara penulis yang meriwayatkan riwayat ini adalah Ibn Saad, Khalifah ibn Khiyat secara ringkasan, al-Balaghuri, al-Yaakubi, al-Mas’udi, Abu Farj al-Asfahani secara panjang lebar, Ibn Jauzi, Ibn Athir secara panjang lebar, al-Zahabi, Ibn Kathir. Ketahuilah, bahawa al-Tabari ketika meriwayatkan kisah ini mengambil riwayat pembunuhan Hujr ibn Adi dan sahabat-sahabatnya daripada jalur perawi yang bernama Abu Mikhnaaf, seorang Syiah yang masyhur dan tidak thiqah (tidak boleh dipercayai). Abu Mikhnaaf disisi ulama Ahlu Sunnah bukan seorang yang boleh dijadikan hujah. Al-Tabari telah meriwayatkan kisah pembunuhan ini daripada Abu Mikhnaaf sebanyak 16 riwayat. Secara umumnya, riwayat pembunuhan Hujr ibn Adi dan sahabat-sahabatnya telah dinukilkan pada kebanyakan kitab, dan tidak hanya tertumpu melalui perawi-perawi Syiah sedangkan jumlahnya hanya tertentu sahaja”.<sup>25</sup>

### Putera Mahkota

Muawiyah ibn Abi Sufyan melantik puteranya, Yazid, sebagai penggantinya memegang tampuk pemerintahan negara selepas beliau. Menurut al-Idrus, perlantikan ini adalah suatu bidaah (urusan yang direka-reka) dalam agama dan beliau sangat tidak menyukai dengan cara politik sebegini.<sup>26</sup>

Suatu kisah yang dinukilkan tentang bagaimana tercetusnya idea untuk melantik pengganti selepasnya dalam menguruskan pemerintahan negara, dan ianya bermula semasa Muawiyah mengutuskan beberapa pucuk surat kepada Marwan ibn al-Hakam. Surat itu bertulis: Sesungguhnya usiaku semakin bertambah, tulang-belulangku semakin rapuh. Timbul kebimbangan dalam diriku sekiranya umat ini kembali bertelagah selepas kematianku. Aku merasakan bahawa perlunya melantik seorang pengganti yang menguruskan hal ehwal pentadbiran negara selepas kematianku dan aku tidak pula suka pemilihan ini tanpa disertakan musyawarah daripada pihak engkau (Marwan). Maka tanyakan kepada mereka (penduduk Madinah) yang disukai mereka. Dan ketika Muawiyah menyatakan hasratnya untuk menamakan Yazid sebagai pengganti, penduduk Madinah adalah penentang utama cadangan tersebut. Dan setiap ketidakpuasan mereka itu, telah digambarkan Marwan melalui jawapan balas kiriman surat kepada Muawiyah.<sup>27</sup>

<sup>24</sup>Ibn al-Arabi, Muhammad ibn Abdullah ibn Muhammad. 1412H. al-Awasim min al-Qawasim fi Tahqiq Mawaqif al-Sahabah ba'da Wafat al-Nabi SAW. Mahmud Mahdi al-Istanbili dan Muhyiddin al-Khattib (ed). Cet 6. Kaherah, Maktabah al-Sunnah

<sup>25</sup>Ali Muhammad al-Solaby. 2006M/ 1427H. Muawiyah ibn Abi Sufyan Sakhsyiahtuhu wa Asruhu – al-Daulah al-Sufyaniyyah. Cet. 1. Beirut, Dar al-Makrefah. 207 – 208.

<sup>26</sup>Al-Idrus. 1960M. Muawiyah ibn Abi Sufyan. 137, 191 – 200.

<sup>27</sup>*Ibid.*

Untuk menjawab persoalan ini, perlu kita selidik fakta-fakta sejarah yang sahih lagi dipercayai. Sejarah menunjukkan bahawa keputusan Amirul Mukmini al-Hassan ibn Ali ibn Abi Talib RA untuk menyerahkan urusan pemerintahan kepada Muawiyah ibn Abi Sufyan RA pada tahun 40 Hijrah, kerana memikirkan pendekatan untuk memelihara darah umat Islam serta mengeratkan kembali ikatan sesama muslim kepada seorang ketua selepas terjadi fitnah dan perpecahan. Hal ini seiring dengan berita Nabi SAW yang menghabarkan bahawa al-Hassan ibn Ali akan mempersaudarakan kembali dua kumpulan besar umat Islam yang sedang bertelagah. Sesungguhnya, berita ini adalah salah satu khabar-khabar bukti tanda kenabian SAW.<sup>28</sup>

Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil daripada sahabat yang tidak merestui perjanjian damai yang diusulkan Amirul Mukminin al-Hassan seperti Qays ibn Saad RA. Dan begitu juga kepada Ziyad ibn Abihi. Mereka berdua merupakan tokoh yang digeruni dalam barisan tentera Saidina Ali, selain sebagai panglima dalam mengetuai perang. Pelbagai usaha dilakukan Muawiyah RA untuk memujuk mereka berdua supaya berdamai dan berada dalam satu saf jemaah, selepas terjadinya baiah taat setia al-Hassan ibn Ali RA kepada Muawiyah RA.<sup>29</sup>

Peristiwa ini merupakan isyarat yang jelas bahawa Muawiyah ibn Abi Sufyan RA telah melakukan sedaya upaya untuk merapatkan kembali persaudaraan sesama Muslim dan berusaha memelihara kestabilan serta keamanan negara. Sebagai ketua negara, beliau dilihat sebagai seorang yang tetap berpegang teguh memastikan perlaksanaan hukum syarak walaupun wilayah pentadbirannya meliputi keluasan segenap timur dan barat.

Ali Muhammad al-Solaby menyebutkan dalam kitabnya *Muawiyah*: “al-Hassan ibn Ali RA mempunyai beberapa keistimewaan, terutamanya hubungan baiknya dengan penduduk Iraq serta pengetahuan mengenai diri mereka. Berkemungkinan dengan sebab itu, maka semakin banyak bertambah pemberian hadiah sejak beliau memegang tampuk khilafah. Selain itu, kepintaran al-Hassan dalam urus tadbir membolehkan perjanjian damai ini berlaku dengan lancar. Tambahan pula, tindakan untuk berperang Muawiyah tidak menguntungkan umat Islam sama sekali. Akan tetapi, sebilangan pendokongnya tidak setuju dengan cadangan perdamaian tersebut. Ketidaksetujuan ini dapat dikawal al-Hassan ibn Ali ibn Abi Talib melalui persefahaman hubungan interaksi yang baik sesama mereka itu, sehingga mencapai kata putus kepada perdamaian. Perdamaian ini telah memelihara darah umat Islam daripada ditumpahkan, mempersaudarakan kembali golongan yang berselisih dan menggerakkan kembali pembukaan kota-kota. Dan kesemua yang dinyatakan ini memerlukan sebuah pentabiran teratur, sistematik dan lancar”.<sup>30</sup>

<sup>28</sup>Bukhari. 2010M/ 1431H. Sahih Bukhari. Cet 2. Beirut, al-Makrefah. Kitab al-Suh: Bab Qaul al-Nabiy SAW li al-Hassan ibn Ali RA. No 2704.

<sup>29</sup>Al-Tabari. 2013M/ 1413H. Sahih Tarikh al-Tabari. Cet 2. Beirut: Dar Ibn Kathir. Juz4: 59.

<sup>30</sup>Ali Muhammad al-Solaby. 2006M/ 1427H. Muawiyah ibn Abi Sufyan Sakhsyiahtuhu wa Asruhu – al-Daulah al-Sufyaniyyah. Cet. 1. Beirut, Dar al-Makrefah. 147.

## Perbincangan

Muawiyah ibn Abi Sufyan RA, satu nama besar dari kalangan umat ini. Beliau merupakan seorang tokoh yang memiliki sikap ketegasan, pengetahuan yang tinggi mengenai siasah politik dan keluhuran peribadi santun lagi berbudi. Beliau telah berdampingan dengan Nabi SAW dan meriwayatkan banyak hadith daripada Baginda SAW. Beliau juga menjadi penulis Baginda SAW sejak memeluk Islam lagi dan di antara orang yang digelar sebagai penulis wahyu.

Pada zaman Khalifah Umar ibn al-Khattab RA, Muawiyah RA dilantik menjawat jawatan gabenor wilayah Syam selepas kewafatan saudaranya, Yazid ibn Abi Sufyan RA. Jawatan gabenor wilayah Syam dikenakan kepadanya semasa zaman Khalifah Uthman ibn Affan RA. Kedua-dua keputusan ini dibuat berdasarkan sikap integriti serta pentadbirannya yang disenangi oleh penduduk Syam.

Terdapat satu hadith yang menggambarkan tentang perselisihan umat Islam. Kemudian mereka dipersatukan semula melalui Saidina al-Hassan ibn Ali ibn Abi Talib RA.

قال النبي صلى الله عليه وسلم: «إن ابني هذا سيد»—أي الحسن بن علي رضي الله عنهما—  
«ولعل الله أن يصلح به بين فتئين عظيمتين من المسلمين»

Maksudnya: Sabda Nabi SAW: “Anakku ini adalah seorang ketua – merujuk kepada al-Hassan ibn Ali RA, dengan izin Allah SWT dia akan mempersaudarakan kembali dua kumpulan umat Islam yang bertelagah.<sup>31</sup>

Hadith ini menjelaskan bahawa dua kumpulan umat Islam yang bertelagah akan disatukan kembali melalui cucu Baginda SAW, al-Hassan ibn Ali RA. Hal ini benar-benar terjadi ketika masa fitnah apabila kumpulan yang bertelagah ini, iaitu kumpulan diketuai al-Hassan ibn Abi RA dan kumpulan Muawiyah ibn Abi Sufyan RA telah dipersaudarakan semula oleh al-Hassan ibn Ali RA. Hadith ini juga antara lain, menunjukkan bahawa Muawiyah RA adalah seorang muslim yang diperakui keimanannya. Dan selepas al-Hassan ibn Ali RA menyerahkan urusan pemerintahan negara kepada Muawiyah RA, hukum-hakam syariah serta hukuman hudud masih berterusan tetap terlaksana. Maka khidmat bakti dan jasa sumbangan seorang yang bernama Muawiyah ibn Abi Sufyan RA adalah banyak dan tidak terhitung.

Beliau juga telah sedaya upaya berusaha untuk merapatkan kembali persaudaraan sesama Muslim dalam satu saf jermaah, terutamanya selepas terjadinya rantaian siri pertelaghanan dan fitnah yang melanda umat Islam sejak berlaku pembunuhan Khalifah Uthman ibn Affan RA. Dan ianya berhasil sewaktu beliau memegang tampuk pemerintahan negara. Sebagai ketua negara, Muawiyah tetap berpegang teguh memastikan perlaksanaan hukum syarak walaupun wilayah

<sup>31</sup>Bukhari. 2010M/ 1431H. Sahih Bukhari. Cet 2. Beirut, al-Makrefah. Kitab al-Suh: Bab Qaul al-Nabiy SAW li al-Hassan ibn Ali RA. No 2704.

pentadbirannya meliputi keluasan segenap timur dan barat, sedaya upaya mengeratkan perpaduan umat Islam, berusaha memelihara kestabilan dan kemakmuran negara.

Para Sahabat Nabi SAW bersifat *adalah* dan keadilan mereka diperakui oleh para ulama Salaf dan Khalaf, sebagaimana diceritakan bahawa kesilapan mereka mendapat jaminan daripada Allah SWT. Firman-Nya:

(رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ)

Maksudnya: Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia.

Surah al-Ma'idah: 119

Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas disandarkan ke atas peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan terlalu banyak, tetapi kebanyakannya berlawanan dengan dalil-dalil yang autentik lagi sahif dipercayai. Wallahu a'lam.

### Kesimpulan:

Buku ini mengandungi banyak persepsi yang boleh mengundang syak wasangka buruk terhadap Muawiyah ibn Abi Sufyan RA. Ia juga tidak mengaplikasi methodologi yang betul dalam menukikan riwayat-riwayat sejarah. Tambahan pula, kisah-kisah serta hikayat-hikayat yang dikemukakan kebanyakannya berunsur permusuhan dan kebencian.

Saidina Muawiyah ibn Abi Sufyan dan kedua ibu bapanya merupakan Sabahat Nabi SAW yang berdampingan dengan Baginda SAW. Selain menjadi penulis wahyu, beliau telah meriwayatkan banyak hadith daripada Nabi SAW dan para Sahabat RA. Riwayat-riwayat yang berasal daripada jalur beliau, telah dicatatkan dalam Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan lain-lain kitab.

Tidak dinafikan bahawa Saidina Muawiyah ibn Abi Sufyan RA sebagaimana para Sahabat Nabi yang lain, mempunyai kesalahan dan kesilapan serta penyakit lupa. Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang Muslim yang diperakui keimanannya. Seharusnya, kita sebagai umat Islam yang terkemudian perlu mengiktiraf perkara ini, mengangkat kehormatan dirinya serta menjaga daripada menyebarkan sebarang bentuk tohmahan yang tidak benar tentang para Sahabat Nabi SAW.

### RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran al-Karim
- [2] Abdullah Basmeih. (2001M/ 1422H). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cet. 12. Kuala Lumpur, Darul Fikir.
- [3] Abu Daud, Sulaiman ibn al-Asyh'ath ibn Syadad al-Azdi al-Sajistani. (2009M/ 1430H). *Sunan Abi Daud*. Syuaib al-Arnout dan Muhammad Kamil Qurro Bellali (ed). Cet 1. Beirut, Dar al-Risalah al-A'lamiyyah.

- [4] Ahmad, Ahmad ibn Hanbal. (1999M/ 1419H). *Musnad al-Imam Ahmad*. Abdallah Abdul Muhsin al-Turki, Syuaib al-Arnaout dan dll (ed). Cet. 1. Beirut, Muassasah al-Risalah.
- [5] Ali Muhammad Muhammad al-Solaby. (2006M/ 1427H). *Muawiyah ibn Abi Sufyan Sakhsyiahtuhu wa Asruhu – al-Daulah al-Sufyaniyyah*. Cet. 1. Beirut, Dar al-Makrefah.
- [6] al-Asfahani, Ali ibn al-Hussien ibn Muhammad ibn Ahmad al-Quraisy al-Umawiy al-Asfahani. (1997M/ 1418H). *al-Aghani*. Cet. 2. Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- [7] al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim. (2010M/ 1431H). *Sahih al-Bukhari*. Cet. 3. Beirut, Dar al-Marefah.
- [8] Ibn al-Arabi, Muhammad ibn Abdullah ibn Muhammad. (1412H). *al-Awasim min al-Qawasim fi Tahqiq Mawaqif al-Sahabah ba'da Wafat al-Nabi SAW*. Mahmud Mahdi al-Istanbuli dan Muhyiddin al-Khattib (ed). Cet 6. Kaherah, Maktabah al-Sunnah.
- [9] Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwayni. (2009M/ 1430H). *Sunan Ibn Majah*. Syuaib al-Arnout dan lain-lain (ed). Cet. 1. Beirut, Dar al-Risalah al-A'lamiyyah.
- [10] Ibn Kathir, Imaduddin Ismail ibn Umar al-Dimashqi. (2001M/ 1422H). *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Mahmud Abdul Qadir al-Arnout (ed). Cet. 1. Riyadh, Maktabah al-Ruysd.
- [11] Muslim, Muslim ibn al-Hajaj ibn Muslim. (2006M/ 1427H). *Sahih Muslim*. Cet. 1. Riyadh, Dar al-Taybah.
- [12] Al-Nasaie, Ahmad ibn Syuaib ibn Ali al-Khurasani. (n.d.). *Sunan al-Nasaie*. Muhammad Nasiruddin Albani (ed). Cet. 1. Riyadh, Maktabah, al-Ma'aref.
- [13] Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir al-Tabari Abu Jaafar. (2013M/ 1413 H). *Sahih Tarikh al-Tabari*. Muhammad ibn Tahir al-Barzaji (ed). Cet 2. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- [14] Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir al-Tabari Abu Jaafar. (2013M/ 1413 H). *Dhaif Tarikh al-Tabari wa al-Maskut anh*. Muhammad ibn Tahir al-Barzaji (ed). Cet 1. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- [15] Al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa al-Tirmizi. (1996M). *al-Jami' al-Kabir*. Basyar Awwad Makrouf (ed.). Cet 1. Beirut, Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- [16] Al-Zahabi, Syamsuddin Muhammad ibn Ahmad ibn Uthman. (n.d.). *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Ali Muhammad al-Bajawi (ed). Beirut, Dar al-Makrefah.
- [17] Al-Zarkali, Khairuddin al-Zarkali. (2002M). *al-A'lam: Qamus Tarajem li Asyhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustasyriqin*. Cet. 15. Beirut, Dar al-Ilm al-Malayin.